

DAILY EXPRESS, 13 MEI 1997

## 5,000 pelajar UMS menjelang 2000

**KOTA KINABALU:** Pengambilan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan ditambah kepada 5,000 daripada 649 yang ada sekarang ini menjelang tahun 2000.

Daripada jumlah ini, 60 peratus atau 3,000 akan diambil dari aliran Sains dan 2,000 lagi dari aliran Sastera.

Di kalangan mereka, 55 peratus adalah pelajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera.

Untuk aliran Sains, jumlah pengambilan pelajar Bumiputera ialah 1,100 manakala 900 bagi bukan Bumiputera.

Ini akan meletakkan jumlah jangkauan bagi populasi pelajar Bumiputera pada waktu itu ialah seramai 2,750 manakala bukan Bumiputera sejumlah 2,250.

Naib Canselor UMS Datuk Dr. Profesor Abu Hassan Othman menyatakan demikian dalam Bengkel Matrikulasi

Kurikulum II pada Isnin.

Antara matlamat bengkel itu ialah, untuk menambahkan sukatan pelajaran matrikulasi, untuk menilai keberkesanan kurikulum dan penerimaan oleh para pelajar.

Katanya semenjak diasaskan, tiga bengkel berkaitan Program Matrikulasi UMS telah dilancarkan.

Program Matrikulasi UMS dimulakan dengan Program Matrikulasi Sains sesi 1995/96, manakala bagi sesi 1997/98, diadakan Program Matrikulasi Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Untuk pengambilan pertamanya sejumlah 50 pelajar akan ditempatkan di Kolej Mara, Kulim, Kedah.

Penekanan paling utama akan diberikan terhadap manipulasi Teknologi Maklumat seperti Internet, Sidang Video dan sebagainya, melalui proses pengajarannya.



S  
MALAYSIA SABAH